

Kuala Lumpur: Persepsi bahawa tempoh dua tahun di awal perkahwinan sebagai fasa berbulan madu dan tidak merancang memiliki anak seharusnya elakkan oleh pasangan baru berumah tangga.

Ketua Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Rojanah Kahar berkata, pendekatan itu boleh memberi kesan kepada pertumbuhan keluarga terutama bagi mereka yang berkahwin pada usia lewat menghampiri 30 tahun.

Jelasnya, persepsi 'popular' dalam kalangan pasangan yang baharu berkahwin itu berlaku berdasarkan beberapa faktor di dalam ruang lingkup trauma.

"Trauma ini boleh dilihat kepada pasangan yang baharu berkahwin. Mereka khuatir bahawa mempunyai anak pada usia dua tahun awal perkahwinan boleh menyebabkan gangguan kepada ekonomi diri dan pasangan.

"Ia bermaksud, pasangan ini khuatir kehadiran anak di awal perkahwinan menyebabkan me-

Elak persepsi bulan madu dua tahun awal

reka perlu menanggung kos tambahan untuk anak. Sedangkan ketika itu, mereka juga baharu sahaja ingin mengukuhkan ekonomi masing-masing. Apatah lagi, jika yang berkahwin itu dalam kalangan mereka yang masih muda," katanya.

Tambahnya, trauma kedua disebabkan faktor sosial iaitu dari sudut keselamatan anak yang baharu dilahirkan, penjagaan dan tahap kebebasan pasangan dalam aktiviti bersosial.

"Apabila pasangan mempunyai anak, mereka akan memikirkan mengenai penjagaan dan keselamatan bayi. Ia boleh memberi kesan kepada sudut keterbatasan dari segi sosial ibu bapa termasuk untuk bekerja.

"Apatah lagi jika seseorang itu berkahwin pada usia lewat, mereka sudah mempunyai posisi yang baik di tempat kerja menjadikan kehadiran anak pada

awal perkahwinan sesuatu yang mencabar dari segi pengurusan masa," katanya.

Jelasnya, pasangan yang berkahwin lewat menghampiri usia 30 tahun dan merancang untuk menangguhkan memiliki anak bukan satu keputusan tepat.

"Pertama kita boleh lihat kepada perkembangan usia anak itu nanti yang lebih muda apabila ibu bapa mereka mencapai usia lebih tua. Perkara ini menyebabkan ibu bapa yang berusia perlu mempunyai komitmen penjagaan anak yang lebih.

"Anak ini memerlukan perhatian dan masih tidak boleh berdikari dari sudut emosi dan kewangan.

"Kedua, ia membabitkan soal kesihatan wanita itu sendiri. Semakin berusia wanita lebih berisiko berdepan dengan cabaran kesihatan ketika mengandung atau peluang hamil," katanya.